

KUALA LUMPUR, 21 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMADHARIINI MAHU KRISIS MCA YANG BERLARUTAN SAMPAI 10 BULAN SEKARANG DISELESAIKAN SEGERA SAMBIL MENYATAKAN TIDAK ADA SEBAB KEDUA-DUA PUAH YANG BERSENGKETA TIDAK DAPAT Mencari JALAN KELUAR MENYELESAIKAN KRISIS MEREKA.

BELIAU MENEGASKAN SOAL PENYELESAIAN KRISIS ITU BULAN INI, ATAU BULAN DEPAN TIDAK TIMBUL TETAPI APA YANG PALING PENTING IALAH KRISIS TERSEBUT MESTI DISELESAIKAN.

+ JIKA KITA BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH ITU TANPA MENIMBULKAN MASALAH LAIN INI SUDAH BAIK. SEPERTI KATA PEPATAH MELAYU, MENARIK RAMBUT DALAM TEPUNG; TEPUNG JANGAN RUSAK DAN RAMBUT JANGAN PUTUS, + KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SEKEMBALINYA DARILAWATAN RASMI DUA MINGGU KE LIBYA, MESIR DAN MALI.

KETIKA MENGULAS LAPDRAN TENTANG KEBUNTUAN RUNDINGAN YANG DIKENDALIKAN OLEH SETIAUSAHA AGUNG BARISAN NASIONAL, ENCIK GHAFAR BABA ANTARA PUAH YANG DIKETUAI OLEH PEMANGKU PRESIDEN MCA, DATUK DR. NEO YEAPAN DENGAN YANG SATU LAGI DIKETUAI OLEH NAIB PRESIDEN YANG DIPECAT ENCIK TAN KOON SWAN, PERDANA MENTERI BERKATA: + MCA MEMPUNYAI PEMIMPIN-PEMIMPIN YANG BAIK DI DALAM DAN DI LUAR DAN SAYA TIDAK NAMPAK MENGAPA MESTI ADA HALANGAN. + -- LAGS.

2135MST 21 42 84

DATUK SERI DR. MAHATHIR OPTIMIS KRISIS ITU AKAN DAPAT DISELESAIKAN DAN BERKALI-KALI MENEGASKAN BELIAU TIDAK MENETAPKAN MASALAH KEPADA PARA PEMIMPIN MCA MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA.

+ SAYA BERHARAP KRISIS ITU TELAH PUN DISELESAIKAN LAMA DAHULU DAN TIDAK ADA LAGI KRISIS, JIKA ANDA TANYA HARAPAN SAYA. +

KRISIS YANG BERLARUTAN ITU TELAH MEMAKSA TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK MUSA HITAM MENGEMUKAKAN CADANGAN SUPAYA MCA MEMILIH KELUAR BUAT SEMENTARA DARIPADA BARISAN NASIONAL UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS ITU.

MENGENAI PERKARA INI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MESTI BERUNDING DAHULU DENGAN DATUK MUSA UNTUK MENGETAHUI APA YANG SEBENARNYA BERLAKU SEMASA BELIAU BERADA DI LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TERPAKSA PATUH KEPADA PENDAPAT SEBAHAGIAN BESAR ANGGOTA UMNO TERUTAMA JAWATANKUASA POLITIK ATAU SEKURANG-KURANGNYA MAJLIS TERTINGGI PARTI.

+ JIKA IA BERKAITAN DENGAN MCA ATAU YANG LAIN-LAIN, SAYA TERPAKSA BERCAKAP DENGAN MEREKA DAN JIKA IA BERKAITAN DENGAN BARISAN NASIONAL, SAYA TERPAKSA PULA MEMANGGIL MESYUARAT BARISAN NASIONAL SECEPAT MUNGKIN. + TAMBAHNYA

BELIAU BERKATA BAHAWA BELIAU BUKANLAH SEORANG YANG MEMBUAT KEPUTUSAN DALAM KRISIS ITU DENGAN MENAMBAH KATA BAHAWA JIKA KRISIS ITU MENJEJASKAN BN MAKA BN HARUSLAH DIBERI PELUANG UNTUK MEMBINCANGKAN PERKARA ITU.

KETIKA DITANYA SAMA ADA KRISIS ITU TELAH MENJEJASKAN IMEJ BN, Pengerusi BN ITU MENJAWAB BAHAWA: + KAMI SENTIASA MENGUTAMAKAN IMEJ. MEMANG LAH IMEJ ITU TURUN DAN NAIK BERGANTUNG KEPADA CARA KITA MELIHATNYA DAN BUKAN DISEBABKAN OLEH KERANA KECANTIKANNYA ATAU SEBALIKNYA. +

KEPADA PERTANYAAN SAMA ADA BELIAU AKAN MENJADI ORANG TENGAH DALAM SENGKETA MCA ITU, PERDANA MENTERI BERKATA: + SAYA INGIN MENGETAHUI FAKTA-FAKTA DAN KEMUDIAN SAYA BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA ORANG TENGAH ITULAH JAWAPANNYA, ATAU PUN SAMPAI ADA SAYA PERLU MENGELUARKAN KENYATAAN ATAU MENGADAKAN MESYUARAT. +

BELIAU ENGGAN MEMBERITAHUSAMA ADA BELIAU AKAN MENEMUI KEDUA-DUA PUAH YANG TERBABIT DAN MENAMBAH KATA BAHAWA BELIAU AKAN MEMIKIRKAN LANGKAH SELANJUTNYA SELEPAS BERUNDING DENGAN DATUK MUSA.

Ekor daripada kenyataan Datuk Musa, beberapa orang pemimpin MCA telah mengeluarkan kenyataan keras dengan mengkritiknya dan menyifatkannya sebagai tidak wajar.

TETAPI DR. MAHATHIR BERKATA: + MALAH JIKA SEKALIPUN REAKSINYA AGAK KETERLALUAN TETAPI SAYA HANYA MENGETAHUINYA MENERUSI LAPORAN-LAPORAN AKHBAR DAN SAYA TERPAKSA MENINJAU REAKSINYA DARIPADA PARA PEMIMPIN MCA SENDIRI. + -- BERNAMA

2216MST 21 12 84